

Industri automatif dijangka merosot

INDUSTRI automatif pada tahun 2016 berkeungkinan besar menyaksikan kenaikan harga banyak jenis kenderaan termasuk kereta nasional, Proton Holdings Bhd. (Proton) dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua).

Kemungkinan itu dimaklumkan oleh beberapa pengurusan tertinggi syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri kenderaan di Malaysia termasuk Proton dan Perodua pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Abdul Harith Abdullah berkata, kenaikan harga itu bagi mengimbangi kesan ringgit yang rendah lantaran kebanyakan bahan mentah syarikat berkenaan dibeli dalam mata



ABDUL HARITH

wang asing.

“Penyusutan ringgit memberi kesan kepada kos operasi syarikat dan keseluruhan rantai ekosistem daripada vendor kepada kami,” katanya dalam satu kenyataan akhbar pada 8 Disember 2015.

Perodua juga tidak menolak kemungkinan menaikkan harga kereta keluarannya tidak lama lagi disebabkan kejatuhan nilai ringgit.

Presiden dan Ketua



NOORIZUDDIN

Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh pada 27 November lalu berkata, kelemahan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat memberi impak kepada peningkatan kos operasi syarikat.

Honda Malaysia Sdn. Bhd. (HMSB) turut mengumumkan harga bagi kenderaan Honda yang akan meningkat bermula Januari ini pada 19 Oktober lalu.



AMINAR

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, kenaikan harga kereta akan menyebabkan industri automatif merosot pada tahun 2016. Menurut beliau, situasi semasa menyaksikan Bank Negara Malaysia mengenakan dasar yang ketat ke atas perjanjian jual beli menyebabkan orang ramai sukar mendapatkan akses kepada pinjaman bank bagi membeli kereta.

“Apabila harga kereta dinaikkan tahun depan, maka semakin ramai sukar memperoleh pinjaman bank untuk membeli kereta. Situasi kenaikan harga kenderaan ini bukan hanya dialami di Malaysia malah di kebanyakan negara-negara lain,” jelasnya.